

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA  
[PARIT BUNTAR ]**

**SOALAN : Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa minta  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
TANI menyatakan berapakah keluasan tanah  
bendang yang terlibat dengan banjir di Perak  
dan apakah diberi pampasan.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kejadian banjir luar biasa yang berlaku baru-baru ini di beberapa buah negeri turut menjelaskan sektor pertanian termasuk subsektor tanaman padi. Di negeri Perak, keluasan penanaman padi adalah 81,636 hektar yang diusahakan oleh 18,870 pesawah. Daripada jumlah tersebut, seluas 1,257.69 hektar telah terjejas akibat banjir yang melibatkan seramai 1,103 orang pesawah.

Secara umumnya, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memberi bantuan wang ihsan hanya kepada pengusaha padi berskala kecil melalui Tabung Bantuan Bencana Agromakanan bagi memulihkan semula projek pertanian mereka yang musnah akibat banjir mengikut kadar yang telah ditetapkan.

Maklumat lanjut mengenai bantuan tersebut adalah seperti berikut:

- i. Kumpulan sasar penerima bantuan ihsan ini adalah pengusaha padi berskala kecil yang mengusahakan tanaman padi tidak melebihi 10 hektar.
- ii. Kadar bantuan yang diberikan adalah berdasarkan peringkat penanaman padi seperti jadual di bawah:

Bil.	Jenis Bantuan	Kadar Bantuan
1.	Bantuan Kerugian Hasil Padi (Bagi padi yang tidak sempat dituai)	RM1,800.00 sehektar
2.	Bantuan Penanaman Semula Padi (Bagi tanaman padi berusia 90 hari ke bawah)	RM876.00 sehektar

- iii. Kadar maksimum bantuan adalah sebanyak tiga (3) hektar bagi setiap pemohon.

Kementerian melalui Jabatan Pertanian dan Pertubuhan Peladang Kawasan telah melaksanakan bancian di semua kawasan yang terjejas termasuk Negeri Perak. Bantuan akan disalurkan kepada pemohon yang layak dalam masa yang terdekat.